

HARI PERTAMA – 11TH MEI 2025

Dimulakan dengan Misa kudus pada jam 5.30pm oleh Bishop Cornelius Piong.

Turut bersama ABP John Wong dan Bishop Julius Gitom dan para paderi.

Seramai 585 orang delegasi dari 3 diosis iaitu keuskupan Agung Kota Kinabalu, Keuskupan Keningau dan Sandakan.

Orientasi dan halatuju PPWS 2025 – Rev. Fr. Thomas Madanan

- Visi dan misi PPWS – bagaimana bermulanya Malaysian Pastoral Convention?
 - Semasa MCCA di Majodi Johor pada tahun 2015
 - Umat Katolik di Malaysia selalu berpindah-pindah dan melibatkan diri dalam pelayanan di setiap paroki. Jumlah semakin lama semakin bertambah. (contoh ramai umat dari Sabah & Sarawak bekerja atau belajar di semenanjung)
 - Bagaimana untuk membina gereja tempatan?
 - 2019 – dijalankan?
 - Penting akan penyertaan belia. Oleh itu MCYD telah dianjurkan.
 - Malaysia Religious Assembly juga diadakan sebagai salah satu proses menuju ke MPC.
 - Clergy, religious and laities come together to celebrate, listen and walk in the light of the Lord – Synod – perbualan Rohani – proses perhimpunan pastoral ini.
- Apakah Visi & Misi MPC?
 - Gereja sebagai suara umat.
 - Gereja menjangkau dalam belas kasihan.
 - Gereja bertumbuh di dalam kekudusan.
 - Gereja mengongsikan kepenuhan diri.
- Apakah objektif MPC?
 - Berkumpul untuk menyatakan kesatuan kita dan meraikan kekayaan kepelbagaian dan keunikan kita dalam Persekutuan dengan Kristus.
 - Menerima cabaran dan peluang kami diperkuatkan dalam Persekutuan untuk bertumbuh dalam pengharapan kasih dan mimsi.
 - Melalui Persekutuan, menjadi garam dan terang dunia.
- Semoga kita akan berpeluang untuk menanggapi harapan gereja kita dalam konteks universal.
- Memperolehi dan menanggapi apa yg kita harapkan, iaitu buah-buah PPWS
- Semangat kebersamaan.
- Yang menyatukan kita semua adalah dasar panggilan missionaris – dibaptis dan diutus.
- Mewujudkan kerjasama antara satu dengan yang lain berlandaskan misi dan visi MPC.
- Mementingkan doa dan sikap kerohanian
- Bukan hanya berada di sini secara fizikal tetapi benar-benar menghadirkan diri (participation).
- Meneguhkan semangat setiakawan dalam mengembala bersama Kristus.
- Semangat berjalan bersama sebagai umat Katolik di Sabah lebih matang.
- Harapan – menjadi lebih lagi terang dan garam dunia – menjadi diri kita yang sebenar.
- Perjalanan Salib semasa Misa penutup merupakan simbolik kepada kita yang diutus – menyahut kepada keperluan gereja tempatan – penginjilan.

Soalan?

1. Apakah harapan anda untuk perhimpunan ini?
2. Apakah masalah / cabaran / halangan yang dihadapi untuk mencapao harapan anda?
3. Apakah jempunan Roh Kudus bagi saya untuk sepanjang perhimpunan ini?

- Hari pertama diakhiri dengan doa malam.

HARI KEDUA PPWS – 12 MEI 2025

Dimulakan dengan misa kudus harian pada jam 7.00am oleh Bishop Julius Gitom.

SESI 1 - SEJARAH GEREJA KATOLIK DI SABAH

- Video presentation
 - Keuskupan Agung Kota Kinabalu
 - Keuskupan Keningau
 - Keuskupan Sandakan

SESI 2 -LAPORAN DARI 3 KEUSKUPAN

- Sila rujuk lampiran untuk laporan daripada setiap keuskupan.

SESI 3 – KEROHANIAN SINODALITI OLEH REV. FR. CLARENCE DEVADASS

Sesi ini memberikan penerangan tentang kerohanian sinodaliti di mana Sinodaliti bukan sekadar program atau konsep, tetapi satu cara hidup Gereja yang berteraskan kerohanian untuk kelangsungan dan pertumbuhan bermula dengan perubahan fikiran dan hati serta keterbukaan untuk belajar semula, dengan keberanian, kesabaran dan visi yang jelas. Dalam dunia yang sedang berubah pesat termasuk cabaran teknologi seperti AI, Gereja dipanggil untuk memberi respons yang relevan dan bersama-sama merenung arah haluan masa depan. Sinodaliti membuka peluang untuk penyertaan aktif umat, mendengar suara dari semua lapisan umat, menjangkau mereka yang tidak pernah didengar dan diberi peluang untuk bersuara, membuat keputusan secara kolaboratif dan berdialog secara berterusan dalam menangani isu-isu mendesak. Namun, ia turut berdepan dengan ketakutan terhadap perubahan, kehilangan kuasa, salah faham, serta halangan budaya. Sejarah Gereja, khususnya melalui Konsili Vatikan II, membuktikan bahawa ketabahan, kesabaran dan iman membolehkan perubahan besar berlaku, termasuk pembaharuan liturgi dan pengertian baru tentang peranan Gereja dalam dunia moden. Maka, sinodaliti merupakan seruan Roh Kudus kepada Gereja untuk terus setia, relevan dan terbuka kepada pembaharuan dalam melaksanakan misinya.

- Hari kedua PPWS diakhiri dengan saat teduh dan seterusnya semua delegasi berkumpul di dewan untuk makan malam dan fellowship.

HARI KE 3 : 13 MEI 2025

Dimulakan dengan doa pagi , sarapan dan recap program hari kelmarin.

SESI 4 : BUAH-BUAH PPWS

- Rumusan hasil dari perbualan rohani dibentangkan oleh Friar Gerald T. Saimel.
9 misi telah di ketengahkan:
 - i. Iman adalah warisan dan tanggungjawab
 - ii. Keluarga dan belia adalah jantung misi
 - iii. Gereja dibina daripada akar umbi
 - iv. Sinodaliti adalah gaya hidup gereja
 - v. Pelayanan berakar dalam Roh Kudus dan doa
 - vi. Mengenal dan menjawab panggilan hidup
 - vii. Merayakan sakramen sebagai sumber kehidupan
 - viii. Gereja inklusif, missionary dan hidup, bertindak danewartakan injil
 - ix. Pertobatan yang berterusan adalah kunci gaya hidup sinodal

RESPON TERBUKA DARIPADA SEMUA PERWAKILAN/DELEGASI

1. Mencadangkan supaya semua paroki di ketiga-tiga diosis diberikan Salinan video sejarah dari ketiga-tiga keuskupan, slide perkongsian Rev. Fr. Clarence (Kerohanian Sinodaliti) dan slide pembentangan Friar Gerarld (Rumusan buah-buah PPWS), sebagai rujukan.
2. Penghayatan iman
 - Akan lebih mantap jika disesuaikan dengan situasi budaya, adat dan tradisi di tempat masing-masing.
 - Inculturation /inkulturasi –pemantapan iman sesuai dengan adat dan budaya / supaya iman lebih bertumbuh dengan nyata sesuai dengan siapa kita/identity kita (asal usul dan adat)
 - Iman perlu berakar dalam budaya setempat.
3. Terpanggil untuk berkolaborasi dengan komisi keluarga
 - Bagaimana kita mendampingi para belia?
 - Orang muda ada *pattern* tersendiri – kita sebagai seseorang yang mendampingi perlu mengetahui apa kah *pattern* orang muda pada masa kini.
 - Kita perlu memahami mereka dan begitu juga sebaliknya
 - Bekerja dan berjalan bersama dengan generasi muda.
4. Sinodaliti adalah gaya hidup gereja
 - Terus berjalan bersama
 - Menekankan kepentingan berdialog – menunjukkan kematangan di mana apabila kita mampu berdialog dengan semua lapisan, ertinya kita dapat mendengar tanpa menghakimi, tanpa merasa dia atau saya yang terbaik – kedewasaan.
 - Semoga benar-benar menjadi gaya hidup saya sebagai peribadi dan gereja.
 - Mengambil kira setiap suara – terutama bagi mereka yang tersisih.
 - Siapa yang tersisih dalam gereja? Bukan seiman dengan kita? Kanak-kanak? Belia? Orang tua? Yang tersisih perlu diketengahkan kerana susah untuk mengenali mereka kerana mungkin mereka tiada peluang untuk bersuara, tiada platform untuk bersuara.
 - Semoga Gereja memberi mereka peluang untuk bersuara dan didengari.

5. Masa depan sinodaliti (hidupi dan hayati bersama di Sabah)
 - Perlu meneruskan proses mendengar, bertanya, berkomuniti dan berubah sesuai dengan kehendak Roh Kudus.
 - Teruskan perkembangan KKD kerana KKD asal mulanya synodality – perlu dipertahankan dan dihidupi.
 - Bukan sekadar berpartisipasi tetapi perlu hidupkan apakah maksud KKD. Bukan sekadar nama atau tempat berlindung.

6. Cara bagaimana untuk memberikan 9 misi ini kepada semua umat.
 - Adakah kita dapat menggunakan misi ini untuk berkomunikasi dengan orang muda / belia? Jangan hanya d kertas tetapi not implemented
 - Menggunakan platform digital / tiktok / insta/fb utk berkomunikasi dengan orang muda. To use this to evangelise because we live in this modern world and we really care for the young generation.

7. Keluarga dan belia adalah jantung misi
 - Berani berubah
 - System keluarga sangat mementingkan hormat kepada orang tua.
 - Ibubapa bersikap terbuka dan sentiasa mendengar suara anak-anak.
 - Ibubapa tidak mahu mendengar – sinonim dengan ‘jangan lawan orang tua’
 - Perlu berubah supaya orang muda dapat membuat pilihan dan semakin terpanggil dalam pelayanan gereja.

8. Merayakan sakramen sebagai sumber kehidupan
 - Matius 4:4 : manusia hidup bukan dari roti saja tp dari setiap firman yang keluar dari mulut Allah.
 - Cadangan : Merayakan firman Tuhan dan sakramen-sakramen sebagai sumber kehidupan.

9. Bible / alkitab tidak boleh ditukarkan dengan handphone. Kekalkan ‘buku alkitab’
 - Jangan terbawa dengan progress yang akhirnya boleh menenggelamkan kita semua.
 - Balance di dalam misi penginjilan.

10. Komen kepada Komiti Draf
 - Bagaimana dengan anak-anak muda yang memilih untuk menjadi free thinker?
 - Dirumuskan secara menyeluruh – data akan dihantar kepada keuskupan masing-masing
 - Mungkin mereka ini dalam kategori yang tersisih /disisihkan/tidak didengari

11. Mengembala dan membimbing generasi muda
 - Jangan focus kepada generasi muda Sahaja tetapi focus kepada semua umat katolik yang matang untuk mendengar panggilan.
 - Supaya semua lapisan umat di gereja boleh menyahut panggilan untuk bekerja di ladang Tuhan,

12. Lebih bersifat menyeluruh
 - Program yang membawa umat kepada pembaharuan – selitkan evaluasi yang berbentuk perbualan rohani agar dengan cara ini, kita akan terbuka untuk menerima komen bukan untuk menjatuhkan tetapi menguatkan kita sebagai pelayan gereja.

13. Penginjilan menggunakan Bahasa ibunda
 - Setiap diosis menubuhkan satu komiti yang akan menterjemah doa di dalam Bahasa ibunda.
 - Penting dan masih relevan pada masa kini.
14. Sejarah gereja
 - Diosis Keningau ditubuhkan pada 1993 dan diosis Sandakan 2007. Adakah kemungkinan akan ada diosis baru yang akan ditubuhkan di Sabah di masa akan datang?
15. Merasa terganggu dengan 9 misi yang diketengahkan
 - Apa way forward kita selepas ini?
 - Bagaimana kita semua yang ada di sini selepas ini boleh merealisasikan kesemua misi ini ke akar umbi?
 - To include those are neglected. How to reach them? Adakah kita tahu siapa mereka sebenarnya?
 - Sekiranya 9 misi ini tidak sampai ke golongan yang tersisih, misi perhimpunan tidak tercapai.
16. Mengenal dan menjawab panggilan Tuhan
 - Kalo boleh setiap minggu perlu misa kudus di setiap kampung- kampung di semua paroki
 - Basic Bahasa Inggeris untuk masuk seminary? Buka seminary kepada mereka yang tidak fasih berbahasa Inggeris / gunakan Bahasa kebangsaan.
 - Para paderi diberi peluang untuk mengajar di seminary menolak dan tidak mahu dihantar untuk meneruskan pembelajaran disebabkan oleh mindset '*tidak mahu kembali seperti semasa di seminary*'. – berfikir ke hadapan dan buka minda
17. Something missing – perbualan rohani dipengaruhi oleh sesi kerohanian sinodaliti
 - Bidang keluarga dan gereja – bahagian social dan ekologi tidak muncul.
 - Jurang / perpisahan identity sebagai Katolik dan sebagai orang Sabah.
 - Aspek ajaran sosial perlu ditekankan kerana ramai orang muda yng tidak dapat membezakan apa yang baik dan tidak baik.
18. Bagaimana untuk mengaktifkan semula semangat bersama dan persaudaraan?
19. Penginjilan
 - Jika setiap wakil yg hadir mengambil kesempatan untuk menginjil, tiada umat yang akan tersisih.
 - Contoh umat tertanya-tanya apakah yang sedang berlangsung di Sacred Heart? Bermaksud PAX regional ini tidak diwar-warkan kepada semua umat sehingga mereka beranggapan '*itu hanya untuk mereka, diorang2 saja*'.
20. Mendampingi belia
 - Reality di kebanyakan Paroki, MPP tidak ambil peduli tentang belia.
 - Tiada belia dalam MPP tetapi bantuan daripada belia diperlukan setiap masa.
 - Program belia tidak disokong oleh pemimpin atas.
 - Bagaimana untuk belia meneladani yang lebih senior jika tidak didampingi dengan baik.
 - Jadilah pendamping yang baik kepada belia

21. Pembentukan iman yang berterusan adalah sangat-sangat kurang

- Tidak banyak gereja yang membuat program pembentukan iman
- Intensif penguatan dan pembaptisan yang dianjurkan di Paroki St. Joseph, Papar, ramai yang hadir adalah umat dari luar paroki.
- Kekangan kerja dan belajar membuatkan ramai umat tidak menerima sakramen. Program pembentukan iman yang berterusan adalah sangat membantu mereka

RESPON DARIPADA FRIAR GERALD T. SAIMEL TERHADAP RESPON TERBUKA

- Semua respons yang diterima tidak dianggap salah, sebaliknya akan diambil kira dan dimasukkan dalam rekod dengan teliti.
 - Kita perlu merenung sama ada pernyataan misi pastoral ini hanya sekadar *word salad* yang indah didengar tetapi sukar untuk dilaksanakan.
 - Kita juga harus sedar bahawa tanpa bantuan dan kuasa Roh Kudus, misi-misi ini tidak mungkin dapat direalisasikan.
 - Bertanya pada diri sendiri, adakah kita benar-benar bersedia untuk keluar dari zon selesa di paroki masing-masing dan melangkah ke hadapan dengan penuh keberanian?
- Perhimpunan PPWS diakhiri dengan Misa Kudus dan juga Pelancaran Perjalanan Salib ketiga-tiga keuskupan.
 - Isi penting ucapan ketiga-tiga Uskup
- Bishop Julius Gitom mengajak kita semua bersyukur kepada Tuhan kerana telah sampai ke penghujung pax dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir. Beliau menegaskan bahawa kita semua dibimbing oleh Roh Kudus untuk berkumpul dalam perhimpunan ini dan merasakan kehadiran-Nya. Melalui tayangan video, kita dihargai dan diajak untuk melihat perkembangan gereja, terutama di tiga keuskupan di Sabah melalui laporan masing-masing, sebagai pengenalan kepada gereja di wilayah ini. Ini adalah perhimpunan pertama untuk Sabah dan satu perkembangan baru. Beliau juga menegaskan bahawa perhimpunan ini bukanlah pentas untuk mempamerkan kehebatan atau berdebat, tetapi tempat menanam benih untuk berjalan bersama sebagai satu gereja yang sinodal. Bimbingan Roh Kudus telah memberi arah kepada kita melalui 9 misi pastoral yang perlu dilaksanakan, di mana sebahagian sudah berjalan di setiap diosis dan beberapa lagi menjadi cabaran yang memerlukan penambahbaikan. Perhimpunan ini menyatukan kita untuk bersedia menghadiri MPC 2026 dengan terus bersandar kepada Roh Kudus agar dapat berjalan bersama dalam bimbingan-Nya. Kita diajak melangkah maju, melaksanakan apa yang mampu dan membiarkan Roh Kudus menentukan hala tuju kita ke hadapan.
 - Bishop Cornelius Piong menyatakan bahawa pertemuan ini sangat penting dan bersejarah bagi wilayah Sabah. Beliau mengingatkan bahawa hala tuju yang telah ditetapkan melalui misi pastoral sudah kita dengar bersama. Walaupun misi ini amat penting, pelaksanaannya perlu kita usahakan bersama-sama dengan tekun. Kita sentiasa perlu mengingat dan mengikuti teladan kepimpinan dan cara hidup Yesus yang bukan untuk dilayani tetapi untuk melayani. Beliau menegaskan agar kita tidak menjadi pemimpin tanpa mencontohi Yesus dan menekankan pentingnya hidup dalam kekudusan dengan berpegang pada firman Tuhan yang merupakan sumber kekudusan. Setiap hari kita perlu hidup berpandukan firman Tuhan serta bersandarkan Roh Kudus yang sentiasa menyertai kita, walaupun kadang-

kadang kita tidak sedar dan tidak menghargainya. Cara hidup yang harus kita amalkan adalah hidup dalam kesatuan dan diterangi oleh cahaya Roh Kudus. Akhir sekali, beliau menyarankan agar istilah **perhimpunan** digantikan dengan **pertemuan** supaya ia lebih mencerminkan suasana rohani yang mendalam.

- Archbishop John Wong memberikan tiga point utama di dalam ucapan beliau:
 - Pertama, beliau mengajak semua untuk bersyukur kerana perhimpunan ini sudah sampai ke penghujung. Segala hormat dan pujian kita panjatkan kepada Tuhan atas berkat yang diberikan melalui perhimpunan ini. Perhimpunan ini pasti akan meninggalkan kenangan manis bukan Sahaja dalam rekod sejarah keuskupan di Sabah tetapi sebagai satu keluarga Katolik yang besar yang bersemangat missionary. Pertemuan ini juga memberi peluang untuk berjumpa dengan rakan-rakan lama sepelayanan yang masih aktif di gereja, dan kenangan manis ini harus mendorong kita untuk terus menghidupi kehidupan sebagai missionary.
 - Kedua, beliau mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir di atas penyertaan yang aktif sepanjang perhimpunan. 2 hari yang diluangkan di PPWS adalah masa yang sangat berharga yang telah kita berikan kepada Tuhan. Beliau berterima kasih di atas sumbangan dan penyertaan semua khususnya dalam perbualan rohani. Beliau juga menyeru agar momentum ini diteruskan agar kita dan gereja dapat berjalan bersama.
 - Ketiga, beliau mengucapkan terima kasih kepada Rev. Fr. Paul Lo selaku Paderi Paroki Sacred Heart Katedral kerana telah memberikan kebenaran untuk menggunakan semua fasiliti di dewan dan gereja untuk tujuan pelaksanaan program PPWS. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Rev. Fr. Clarence, Monsignor Jude, Fr. Dominic dan semua Paderi yang hadir. Ucapan terima kasih juga kepada semua yang telah terlibat dalam menyediakan salib pelayanan yang akan dilancarkan pada hari ini. Bagi pihak tuan rumah, Archbishop John Wong mengucapkan terima kasih atas penyertaan dan kehadiran semua delegasi.

Selepas Misa kudus, semua delegasi dijemput untuk makan tengahari sebelum bersurai.